

## Biografi Para Perawi Hadith *Kitāb al-Ḥammām Sunan Abī Dāwūd*

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4009

1. Abū Dāwūd. Beliau ialah Sulaymān bin al-Ash‘ath bin Shidād bin ‘Amrū bin ‘Āmir Abū Dāwūd al-Sijistānī al-Ḥāfiẓ. Dikatakan bahawa datuk beliau ‘Imran gugur bersama ‘Ali di Siffin dan melakukan perjalanan ke beberapa negeri. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith ialah Abū Salamah al-Tabūdhakī dan Abū al-Walīd al-Ṭayyālīsī. Antara murid atau yang meriwayatkan Hadith daripada beliau ialah Abū ‘Alī Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Amrū al-Lu‘lu‘ī, Aḥmad bin ‘Alī bin al-Ḥasan al-Baṣrī, dan lain-lain. Al-Khaṭīb berkata, “Abū Dāwūd dahulu tinggal di Basrah dan masuk ke Baghdad beberapa kali, dan beliau meriwayatkan kitab *Sunan*-nya di sana.” Dan dikatakan beliau menyusun *Sunan* dan memeriksakannya kepada Imam Aḥmad. Al-Ājri berkata, “Aku mendengar beliau (Abū Dāwūd) berkata, ‘Aku lahir tahun 202 dan aku menyolati ‘Affān di Baghdad tahun 220. Aku mendengar Hadith daripada Abū ‘Umar al-Ḍarīr hanya satu majlis sahaja. Aku memasuki Basrah dan penduduknya berkata ‘Uthman Bilal meninggal dunia kemarin. Dan aku mendengar Hadith daripada Sa‘dawaih hanya satu majlis sahaja, daripada ‘Āṣim bin ‘Alī satu majlis sahaja dan aku mengikuti ‘Umar bin Ḥafaṣ ke rumahnya namun aku tidak mendengar satu Hadith pun daripada beliau.’” Dan lain-lain ada banyak sekali pujian para ulama terhadap beliau. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Dhikru man ismuhu Sulaymān*, No. 298 4/168)
2. Mūsā bin Ismā‘īl ialah Mūsā bin Ismā‘īl al-Minqarī al-Tabūdhakī al-Baṣarī, *kunyah*-nya Abū Salamah, berasal dari Basrah, Pengarang *Tahdhīb al-Kamāl* menyebutkan bahawa beliau dinamakan dengan al-Tabūdhakī kerana ia membeli sebuah rumah di Tabūdhakī. Banyak ulama yang mengiktiraf Mūsā sebagai perawi Hadith yang *thiqah* (dapat dipercayai) *mutqin* (tekun) dan *ṣadūq* (jujur), sehingga dapat disimpulkan beliau merupakan seorang yang *thiqah* dan *ḍābit* (teliti). Abū Dāwūd meriwayatkan darinya dengan lafaz *taḥdīth* (حَدَّثَنَا). Abū Dāwūd mendengar Hadith ini di dalam jama‘ah. Di antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith ialah Jarīr bin Ḥāzim, Muḥdī bin Maimun, dan Ḥammād bin Salamah. Antara murid beliau ialah Imam al-Bukhārī, Abū Dāwūd, Aḥmad bin al-Ḥasan Al-Tirmīdhī. Imam al-Bukhārī mengatakan beliau meninggal pada tahun 223 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Mīm*, No. 585 10/297)
3. Ḥammād ialah Ḥammād bin Salamah bin Dīnār al-Baṣarī, beliau merupakan sekutu Banī Tamīm, *kunyah*-nya Abū Salamah atau Abū al-Ḥasan. Ḥammād meriwayatkan Hadith ini daripada Abdullāh bin al-Shaddād dengan lafaz *taḥdīth* (حَدَّثَنَا) di mana Ḥammād mendengar Hadith ini dalam jama‘ah. Imam Aḥmad mengiktiraf Ḥammād sebagai orang yang sangat *thabit* (berpegang teguh), manakala ulama Hadith lainnya berpendapat bahawa Ḥammād ialah seorang *thiqah* dan paling benar bicaranya. Menurut Ibn al-Mudīnī, Ḥammād merupakan orang yang paling *thabit* perkataannya, manakala al-Aṣma‘ī dari ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥdī berkata bahawa Ḥammād merupakan orang yang paling tepat pendengarannya (*ṣahih al-simā‘*). Dengan demikian boleh kita katakan bahawa beliau merupakan perawi Hadith yang *thiqah*, *ṣadūq* dan *ḍābit*. Di antara para syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah Thābit al-Banānī, Qatādah, Ḥumaid al-Ṭawīl dan para Tabi‘in yang lainnya. Diantara murid beliau ialah Ibn Juraij, al-Thawrī dan Abū Salamah al-Tabūdhakī. Sulaymān bin Ḥarb berkata Ḥammād meninggal dunia pada tahun 167H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Ha’*, No. 14, 3/11)
4. ‘Abdullāh bin Shaddād al-A‘raj. *Kunyah*-nya Abū al-Ḥasan al-Madīnī. Beliau meriwayatkan Hadith ‘Āishah dari Abū ‘Udhrah. Muridnya ialah Ḥammād bin Salamah dan al-Thawrī. Ḥammād bin Salamah mengatakan bahawa beliau ialah seorang pedagang. Ibn Ḥibban memasukkan beliau ke dalam kitabnya *al-Thiqāt*. Manakala Ibn Junaid meriwayatkan bahawa beliau seorang yang tidak ada cacat (*lā ba‘sa bihi*). Manakala Ibn Ḥajar berkata: Ibn Khalfun meriwayatkan dari al-‘Ajli beliau men-*thiqah*-kan nya dan al-Qaṭṭān berkata beliau tidak diketahui keadaannya (*majhūl al-ḥāl*). Ibn Ḥajar berkata bahawa beliau perawi yang *ṣadūq*,

ditambah lagi perawi yang *thiqah* seperti al-Thawrī dan Ḥammād bin Salamah meriwayatkan Hadith dari beliau. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf ‘Ain*, No. 443 5/223) dan (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 3383 2/307)

5. Abū ‘Udhrah. Ibn Ḥajar berkata: Abū ‘Udhrah sempat berjumpa dengan Nabi Muhammad S.A.W. dan meriwayatkan dari ‘Aishah R.A. Abū Zar’ah berkata, tidak ada yang dinamakan seperti beliau. Ibn Ḥibban menyebutnya *thiqah*. Ibn Ḥajar menyebut beliau perawi yang *majhūl* (tidak diketahui halnya). (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Bāb al-Kunā Ḥarf ‘Ain*, No 8585 12/150) dan (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 8250 2/658)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4010

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. Muḥammad bin Qudāmah bin A‘yan al-Qarshī, sekutu daripada Bani Hāshim Abū ‘Abdullāh al-Muḥaisy. Beliau meriwayatkan Hadith ini dengan lafaz *taḥdith* (حَدَّثَ) di mana Abū Dāwūd mendengar Hadith ini dalam jama’ah. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah Jarīr bin ‘Abd al-Ḥamīd, Ismā‘īl bin ‘Aliyyah dan Fuḍail bin ‘Iyād. Antara murid beliau ialah Imam Abū Dāwūd, Imam al-Nasā‘ī dan Aḥmad bin Fil al-Anṭakia. Imam al-Nasā‘ī berkata bahawa beliau perawi yang tidak ada cacat (*la ba’sa bihi*), dan solih, manakala Imam al-Dāruqutnī berpendapat beliau *thiqah* dan Ibn Ḥibban men-*thiqah*-kan beliau. Imam Ibn Ḥajar meriwayatkan dari Maslamah bin Qāsim bahawa beliau seorang yang *thiqah* (terpercaya) dan *ṣadūq* (jujur). Beliau meninggal dunia berdekatan dengan tahun 250 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Mīm*, No 667 9/363)
3. Jarīr bin ‘Abd al-Ḥamīd bin Qurṭ al-Dabbī, kunyahnya Abu ‘Abdullāh al-Rāzī al-Qāḍī. Beliau lahir di sebuah dusun di Isfahan dan besar di Kufah hingga akhirnya beliau ke Rayy. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah ‘Abd al-Mālik bin ‘Umair, Abū Ishāq al-Shaibānī, Yaḥyā bin Sa’īd al-Anṣārī dan Abū Khālid Manṣūr bin al-Mu’tamir. Antara murid beliau ialah Muḥammad bin Qudāmah al-Ṭūsī, Muḥammad bin Qudāmah bin A‘yan al-Muḥaisī, dan ‘Alī bin al-Madīnī. Ibn Ḥajar berkata bahawa perawi *thiqah* pernah melakukan rihlah kepadanya. Ibn ‘Ammār al-Muwasilī berkata bahawa beliau seorang *ḥujjah* dan memiliki karya yang *ṣaḥīḥ*. Beliau lahir tahun 107 H dan meninggal dunia pada tahun 188 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Jīm*, No. 116 2/65)
4. Huruf ha’ (ح) menandakan bahawa Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dari dua jalur sanad yang bertemu pada satu orang perawi iaitu Manṣūr al-Mu’tamir.
5. Muḥammad bin al-Muthannā bernama Muḥammad bin Ibrāhīm bin Muslim bin Mahrān bin al-Muthannā. Beliau dipanggil juga Ibn Abī al-Muthannā. Beliau meriwayatkan daripada kakeknya Ibn al-Muthannā Muslim bin Mahrān al-Qarshī, Ḥammād bin Abī Sulaymān, Salamah bin Kuhail. Antara murid beliau ialah Yaḥyā al-Qaṭṭān, Shu‘bah dan Abū Dāwūd al-Ṭayyālīsī. Al-Daurī berkata beliau perawi yang tidak ada cacat (*lā ba’sa bihi*). Ibn Ḥibbān berkata dalam kitab “*Thiqāt*” beliau pernah salah. Ibn Ḥajar berkata bahawa Ibn Mubārak telah meriwayatkan Hadith daripada beliau dari Salamah bin Kuhail dan memasukkan dalam karya beliau. Namun namanya di-*taṣḥīf* (keliru penulisannya). (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Mīm*, No. 21 9/15)
6. Muḥammad bin Ja‘far bernama Muḥammad bin Ja‘far al-Hadhli. *Kunyah*-nya Abū ‘Abdullāh al-Baṣarī dan dikenal dengan nama Ghundar pemilik Karābīs. Beliau meriwayatkan daripada Shu‘bah dan bergaul dengannya selama dua puluh tahun. Beliau juga meriwayatkan daripada ‘Abdullāh bin Sa’īd bin Abī Hind dan Ma‘mar bin Rāshid. Antara murid beliau ialah Aḥmad bin Ḥanbal, Ishāq bin Rāhawaih dan Yaḥyā bin Ma‘īn. Adapun Muḥammad al-Muthannā tidak tercatat sebagai murid kepada Ghundar. Hal ini merupakan alamat bagi terputusnya sanad Hadith ini. ‘Abd al-Mālik bin Manṣūr berkata daripada Ibn Ma‘īn bahawa Ghundar ialah manusia paling jujur, banyak orang yang berusaha mencari kesalahannya tapi tidak ada yang mampu. Ibn al-Mubārak berkata bahawa apabila orang bercanggahan mengenai Hadith Shu‘bah, maka kitab Ghundar yang boleh menjadi penengah di antara mereka. Banyak juga ulama lain yang telah mengiktiraf kecakapan beliau dalam menulis Hadith. Hal ini menandakan bahawa beliau seorang yang *thiqah*, dan *dābiṭ*. Imam al-Bukhārī meriwayatkan

daripada Muḥammad bin al-Muthannā bahawa Ghundar meninggal pada tahun 92 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Mīm*, 129 9/84)

7. Shu‘bah bernama Shu‘bah bin al-Ḥajjāj bin al-Ward al-‘Atkī al-Azdī, *kunyah*-nya Abū Baṣṭām al-Wāsiṭī al-Baṣarī. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah Abān bin Taghlab, Ibrāhīm bin ‘Āmir bin Mas‘ūd, Maṣṣūr bin ‘Abd al-Raḥmān al-Ashhilī, Maṣṣūr bin al-Mu‘tamir dan banyak sekali perawi yang lain termasuk Sufyān al-Thawrī. Antara murid beliau ialah al-A‘mash, Sa‘ad bin Ibrāhīm yang mana mereka merupakan syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau pula. Antara murid beliau yang lain ialah Waki‘ dan Ibn al-Mubārak. Banyak ulama Hadith yang mengiktiraf beliau sebagai perawi *thiqah*. Abū Ṭālib meriwayatkan dari Imam Aḥmad bahawa Shu‘bah lebih ahli di bidang hukum daripada al-A‘mash dan lebih tahu perkara Hadith yang terkait hukum-hakam, kalaulah bukan kerana Shu‘bah maka Hadith-Hadith tersebut sudah hilang. Shu‘bah pula lebih banyak meriwayatkan Hadith dari ahli Kufah dan lebih *thabit* daripada Sufyān al-Thawrī dan lebih baik dalam memilih perawi. Beliau pula telah lebih dahulu mempelajari Hadith hukum sepuluh tahun lebih lama daripada al-Thawrī. Abū Dāwūd meriwayatkan bahawa ketika Shu‘bah telah meninggal dunia, al-Thawrī berkata, “Telah meninggal Hadith – bermakna ulama Hadith telah tiada-”. Mengikut Ibn Sa‘ad beliau lahir tahun 82 H dan meninggal dunia tahun 160 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Shīn*, No.590 4/297)
8. Maṣṣūr ialah Maṣṣūr bin al-Mu‘tamir bin ‘Abdullāh bin Rabī‘ah, dikatakan pula al-Mu‘tamir bin ‘Attāb bin Farqad al-Salamī Abū ‘Attāb al-Kūfī. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah Abū Wā’il, Zaid bin Wahab, al-Ḥasan al-Basrī. Antara murid beliau ialah al-A‘mash, Sulaymān al-Taymī, Shu‘bah, Jarīr bin ‘Abd al-Ḥamīd dan perawi *thiqah* lainnya. Al-Ājirī berkata daripada Abū Dāwūd bahawa Maṣṣūr tidak meriwayatkan kecuali dari perawi *thiqah*. Bashr bin Mufaḍḍal berkata, “Saya bertemu dengan al-Thawrī di Kufah, tidak ada yang lebih aman (periwayatan) Hadithnya daripada Maṣṣūr.” Ibn Sa‘ad berkata beliau diiktiraf oleh banyak ulama Hadith sebagai perawi yang *thabit* dan *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 232 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ākhir Ḥarf Mīm*, No 547 10/277)
9. Sālim bin Abū al-Ja‘d Rāfi‘ al-Ashja‘ī al-Kūfī. Antara syaikh beliau dalam periwayatan Hadith beliau ialah ‘Amrū tapi mereka tidak pernah berjumpa; dan Ka‘ab bin Murrah tapi ada yang mengatakan ‘Amrū tidak mendengar langsung daripadanya dan ‘Āishah melainkan di antara mereka ada Abū Malīḥ dan Abū Kabashah. Antara murid beliau ialah anaknya, al-Ḥasan, al-Ḥikam bin ‘Utaibah, al-A‘mash dan Maṣṣūr bin al-Mu‘tamir. Ibn Ma‘īn, Abū Zar‘ah dan al-Nasā’i berkata beliau *thiqah*. Ibn Sa‘ad berkata bahawa beliau *thiqah* dan banyak mempunyai Hadith. Muṭīn berkata beliau meninggal tahun 100 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Sīn*, No. 799 3/373)
10. Abū al-Malīḥ al-Ḥasan bin ‘Umar al-Raqī. Ada yang mengatakan beliau anak kepada ‘Amrū bin Yaḥyā sekutu kepada al-Fazārī, dan dikatakan *kunyah* beliau Abū ‘Abdullāh namun lebih dikenal dengan Abū al-Mālīḥ. Abū al-Malīḥ meriwayatkan Hadith dari Muḥammad bin Khālid al-Salamī, Maimūn bin Mahrān, dan Ziyād bin Bayān. Antara murid beliau ialah Ibn al-Mubārak, Abū Taubah al-Ḥalabī dan ‘Amrū bin Khālid al-Hirānī, Muḥammad bi Ādam al-Muṣaiṣī. Imam Aḥmad berkata beliau seorang yang *ḍābit* Hadithnya dan *ṣadūq*. Abū Zar‘ah berkata beliau seorang perawi yang *thiqah*. Hilāl bin ‘Alā’ meriwayatkan bahawa beliau lahir tahun 87 H dan meninggal dunia tahun 181 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Al-Kunā min al-Alqāb*, No. 2421 12/375 dan *Ḥarf Ḥā*, No. 535 2/267)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4011

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. Aḥmad bin Yūnus bernama Aḥmad bin ‘Abdullāh bin Yūnus bin ‘Abdullāh bin Qays al-Tamīmī, *kunyah*-nya Abū ‘Abdullāh al-Yarbū‘ī al-Kūfī. Terkadang beliau dinasabkan kepada datuknya. Beliau mendengar Hadith daripada al-Thawrī, Ibn ‘Uyaynah, Zuhair dan Isrā’īl. Muṭīn berkata beliau lahir pada tahun 133 Hijrah. Antara murid beliau ialah Imam al-Bukhārī, Muslim dan Abū Dāwūd. Imam al-Bukhārī dan al-Nasā’i berkata bahawa beliau seorang perawi yang *thiqah*. Abū Hātim berkata bahawa beliau seorang yang *thiqah* dan *mutqin* (tekun). Imam Bukhārī berkata beliau meninggal pada bulan Rabi‘ul Akhir tahun 227H di Kufah. (*al-Tārikh al-Kabīr, Bāb Aḥmad*, No. 1502 2/5) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Alif*, No 87 1/44)

3. Zuhair bin Mu‘āwiyah bin Ḥudaij bin al-Raḥīl bin Zuahir bin Khaithamah Abū Khaithamah al-Ju‘fī al-Kūfī. Beliau mendengar Hadith dari Abū Ishāq al-Hamdhānī dan meriwayatkan Hadith ‘Abd al-Raḥmān bin Ziyād bin An‘am dan al-A‘mash. Antara murid beliau ialah Yaḥyā bin Ādam dan Abū Na‘īm, Abū Dāwūd al-Ṭayyālīsī dan al-Qaṭṭān. Shu‘aib bin Harb berkata, “Zuhair lebih kuat hafalannya dari 20 orang seperti Shu‘bah.” Dan banyak ulama Hadith yang men-*thiqah*-kan beliau. Ibn Ḥajar berkata bahawa Ibn Sa‘īd berkata bahawa beliau meninggal pada akhir tahun 172 H dan merupakan perawi yang *thiqah*, kuat, terpercayanya dan banyak meriwayatkan Hadith. Abū Ja‘far bin Nufail berkata bahawa beliau meninggal pada bulan Rajab tahun 173 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, *Bāb Zuhair*, No.1419 3/427) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Harf Zayy*, No.648 3/303)
4. ‘Abd al-Raḥmān bin Ziyād bin An‘am al-Afriqī. Beliau mendengar Hadith dari bapanya Ziyad bin An‘am dan Abū ‘Abd al-Raḥmān. Beliau juga meriwayatkan Hadith dari Abū Gaṭīf al-Hadhli dan Abū ‘Uthmān. Di antara murid beliau ialah al-Thawrī. Al-Muqri’ berkata beliau meninggal pada tahun 156 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 916 5/283) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Bāb man Ishtahara bi al-Nisbah ilā al-Qaryah aw al-Baldah aw al-Ṣinā‘ah*, 12/286)
5. ‘Abd al-Raḥmān bin Rāfi‘ al-Tanūkhī al-Maṣrī, beliau mendengar dari ‘Abdullāh bin ‘Amrū R.A. al-Muqri’ berkata bahawa ‘Abd al-Raḥmān bin Ziyād bin An‘am berkata bahawa dalam Hadith beliau terdapat banyak Hadith *munkar*. Ibn Ḥajar berkata dalam “*Taqrīb al-Tahdhīb*” beliau ialah seorang Qāḍi di Afrika dan meninggal dunia tahun 113H, seorang perawi *ḍa‘īf* dari golongan keempat. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 912 5/280) dan (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 3856 2/340)
6. ‘Abdullāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ bin Wā’il bin Hāshim bin Sa‘īd bin Sa‘ad bin Sahm bin ‘Amrū bin Ḥaṣīṣ bin Ka‘ab bin Lu‘ay bin Gālib al-Qarshī. *Kunyah*-nya Abū Muḥammad, namun ada juga yang mengatakan Abū ‘Abd al-Raḥmān atau Abū Naṣīr. Beliau merupakan salah seorang bersahabat Rasulullah S.A.W. yang mulia. Beliau masuk Islam sebelum ayahnya. Beliau sangat tekun beribadah dan sangat haus akan ilmu. Abū Hurairah R.A. berkata, “Tiada yang lebih banyak meriwayatkan Hadith Rasulullah S.A.W. dariku kecuali ‘Abdullāh bin ‘Amrū. Sesungguhnya dia menulis (Hadith) manakala diriku tidak menulis (Hadith).” Beliau meriwayatkan Hadith daripada Rasulullah S.A.W., juga dari Abū Bakar, ‘Umar, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Auf dan sahabat Rasulullah R.A. yang lain. Antara murid beliau ialah Anas bin Mālik, Masrūq bin al-Ajda‘, Abū Kabashah al-Salūlī, Sa‘īd bin al-Musayyab dan banyak tabi‘in yang lainnya. Imam Aḥmad berkata beliau meninggal dunia pada bulan Zulhijjah tahun 63 H, namun pada tempat lain beliau berkata pada tahun 65 H. Abū ‘Umar al-Kindī berkata, “Yaḥyā bin Khalaf telah berbicara kepada kami daripada kakeknya al-Walid bin Abū Sulaymān berliu berkata, ‘Al-Akdar bin Hamam terbunuh pada tengah bulan Jumad al-Akhir tahun 65 H, dan pada masa itu ‘Abdullāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ meninggal dunia iaitu di Mesir, maka jenazahnya tiada boleh dibawa keluar kerana kerusuhan askar terhadap Marwan sehingga beliau dimakamkan di rumahnya. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 575 5/294)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4012

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. ‘Abdullāh bin Muḥammad bin Nufail *kunyah*-nya ialah Abū Ja‘far al-Ḥirānī. Imam al-Bukhārī berkata bahawa beliau mendengar Hadith daripada Zuhair dan Ma‘qal bin ‘Ubaidillāh. Ibn Ḥajar menyebut bahawa beliau meriwayatkan Hadith daripada Zuhair bin Mu‘awiyah, Abū al-Maliḥ, Mālik. Antara muridnya ialah Abū Dāwūd. Al-Nasā‘ī berkata beliau *thiqah*, begitu pula al-Dāruqutnī. Ibn Ḥajar berkata beliau solih dan *thiqah*. Beliau meninggal dunia tahun 234 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 595 5/189) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Harf ‘Ain*, No 21 6/15)
3. Zuhair bin Mu‘awiyah, telah dibahas pada Hadith ketiga. Di antara muridnya ialah ‘Abdullāh bin Muhammad al-Nufailī.
4. ‘Abd al-Mālik bin Abū Sulaymān al-‘Arzamī al-Fazzārī. Abū Sulaymān bernama Maysarah Muhammad bin ‘Ubaidillah bin Abū Sulaymān. Beliau mendengar Hadith daripada Sa‘īd bin Jabīr dan ‘Aṭā’. Manakala murid-murid beliau ialah al-Thawrī dan Shu‘bah. Ibn Ḥajar menyebutkan beliau *thiqah* dan banyak meriwayatkan Hadith. Abū Ḥātim berkata bahawa

- beliau *ṣadūq*. Manakala al-‘Ajli berkata beliau *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada 212 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No1353 5/417) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb* No.789 6/377)
5. ‘Aṭā’ bernama lengkap ‘Aṭā’ bin Abū Rabāḥ. Bapa beliau bernama Aslam sekutu al-Qarshī. *Kunyah* beliau ialah Abū Muḥammad al-Makki. Antara syaikh beliau dalam periwiyatan Hadith beliau ialah Ibn ‘Abbās, Ibn ‘Amrū, Ibn ‘Umar. Antara murid beliau ialah anaknya yang bernama Ya‘qūb, Abū Ishāq al-Sabī‘ī, ‘Abd al-Mālik bin Abū Sulaymān al-‘Arzamī al-Fazzārī. Ibn Sa‘ad berkata bahawa beliau tumbuh besar di Makkah dan merupakan sekutu Bani Fihri atau Bani Jamaḥ. Beliau merupakan rujukan fatwa di Makkah. Beliau juga seorang yang *thiqah*, faqih, alim, paling faham dengan masalah haji dan banyak meriwayatkan Hadith. Beliau juga seorang ulama yang *wara’*. ‘Abd al-‘Azīz berkata, “‘Aṭā’ ditanya tentang sebuah masalah, maka ia menjawab, ‘Saya tidak tahu’ kemudian ia ditanya, ‘Mengapakah kamu tidak berkata mengikut fikiranmu?’ Beliau menjawab, ‘Sesungguhnya aku malu bila beragama mengikut fikiranku.’” Abū Malīḥ al-Raqī berkata beliau meninggal dunia pada tahun 114 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Harf ‘Ain*, No 385 7/179)
  6. Ya‘lā bin Umayyah bin Abū ‘Ubaidah, nama ayahnya ialah ‘Ubaid, dikatakan juga Zaid bin Hammām bin al-Ḥārith bin Bakr bin Zaid bin Mālik bin Hanzalah bin Mālik bin Zaid Manāh bin Tamīm Abū Khalaf. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Nabi S.A.W., dari ‘Umar dan ‘Anbasah bin Abū Sufyān. Antara muridnya ialah anak-anaknya Ṣafwān dan ‘Abdullāh bin Ya‘lā, ‘Aṭā’ dan Mujāhid. Al-Laith dan Khalīfah bahawa ‘Anbasah melakukan ibadah haji pada tahun 47 H. Hal ini menunjukkan bahawa Ya‘la wafat sesudah perang Siffin. Ibn Ḥajar berkata bahawa Ibn ‘Abd al-Barr dari Ibn al-Madīnī bahawa Abū Bakar menugaskan beliau di Helwan. Manakala ‘Umar menempatkan beliau di sebahagian wilayah Yaman. Apabila ‘Umar mendengar bahawa ia tertimpa demam, maka ‘Umar menyuruhnya berjalan kaki ke Madinah, maka ia melakukan perjalanan selama lima atau enam hari, lalu Ya‘la mendengar kabar kematian ‘Umar maka ia menunggang kenderaan dan bergegas ke Madinah. Manakala ‘Uthmān mempercayakan beliau sebagai anggota askar. Apabila ‘Uthmān telah terbunuh, maka ia berjuang bersama Zubair bin Awwām dan ‘Aishah RA, dan dikatakan bahawa beliaulah yang menaikkan ‘Aishah ke atas unta pada perang Jamal. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 673 11/350)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4013

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Khalaf Muḥammad al-Bagdādī al-Qatī‘ī sekutu al-Salamī, *Kunyah*-nya Abū ‘Abdullāh. Antara syaikh beliau dalam periwiyatan Hadithnya ialah Sufyān bin ‘Uyaynah, Abū Khālīd al-Aḥmar dan Aswad bin ‘Āmir. Di antara murid beliau ialah Muslim, Abū Dāwūd dan ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān al-Dārimī. Abū Hatim berkata bahawa beliau ialah perawi yang *thiqah*, *ṣadūq* dan Ibn Ḥibbān menyebut beliau dalam kitab *al-Thiqāt* dan berkata boleh jadi beliau pernah salah. Beliau meninggal dunia tahun 237H dan ada yang mengatakan beliau lahir pada tahun 170 Hijrah. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Harf Mīm*, No 32 9/20)
3. Al-Aswad bin ‘Āmir al-Shāmī, *kunyah*-nya Abū ‘Abd al-Raḥmān dan memiliki gelar (*laqab*) Shādhān. Beliau hijrah ke Baghdad. Beliau mendengar Hadith daripada Shārik apabila berada di Baghdad. Antara syaikh beliau dalam periwiyatan Hadith beliau Shu‘bah, Ḥammād dan al-Thawrī dan sekumpulan orang perawi. Antara periwiyat Hadith beliau ialah Aḥmad bin Ḥanbal, dua orang anak Ibn Abū Shaibah, al-Dārimī dan ‘Alī bin al-Madīnī dan perawi yang lain. Abū ‘Abdullāh berkata bahawa beliau berasal dari Sham dan meninggal di Bagdad awal tahun 208 H. Ibn Ma‘īn berkata beliau tidak ada cacat (*la ba’sa bih*) manakala Ibn al-Madīnī berkata beliau *thiqah* dan berkata Abū Ḥatim bahawa beliau *ṣadūq*. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1431 1/448 dan *Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 619 1/297)
4. Abū Bakar bin ‘Ayyāsh bin Salim al-Asadī, seorang tukang jahit di Kufah. Dikatakan bahawa nama beliau ialah Muḥammad atau ‘Abdullāh atau Sālim atau Shu‘bah atau Muslim, atau Khaddāsh atau Ḥammād atau Ḥabīb dan yang paling benar, namanya ialah *kunyah*-nya. Beliau mendengar Hadith daripada bapanya dan daripada Abū Ḥusain dan Ḥubaib bin Abū Thābit. Antara periwiyat Hadith beliau ialah al-Thawrī, Ibn al-Mubārak, Abū Dāwūd al-Ṭayyālīsī dan Aswad bin ‘Āmir Shādhān Ibn Ḥajar mengatakan keadaan beliau dalam *Taqrīb* bahawa beliau seorang perawi *thiqah* dan taat beribadah. Namun apabila beliau telah lanjut

usia hafalannya jadi berkurang manakala kitab yang beliau tulis *ṣaḥīḥ*. Ibn al-Muthannā berkata beliau meninggal dunia pada tahun 293 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No. 100 9/14) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No. 8313 12/31)

5. ‘Abd al-Mālik bin Abū Sulaymān telah dijelaskan sebelumnya pada biografi perawi Hadith yang ke-4012
6. ‘Aṭā’ telah dijelaskan sebelumnya pada biografi perawi Hadith yang ke-4012.
7. Ṣafwān bin Ya‘lā bin Umayyah al-Tamīmī, sekutu Bani Quraish. Beliau mendengar Hadith daripada bapanya. Antara murid-murid beliau ialah ‘Aṭā’, Muḥammad bin Yaḥyā bin Ya‘lā, dan Muḥammad Jabīr bin Muṭ‘im. Ibn Ḥibbān memasukkan beliau ke dalam kitab *Thiqāt*. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 2932 4/308) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf Zayy*, No. 789 4/379)
8. Bapa kepada Ṣafwān ialah Ya‘lā telah dijelaskan sebelumnya pada biografi perawi Hadith yang ke-4012.

#### **Biografi Perawi Hadith yang Ke-4014**

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. ‘Abdullāh bin Maslamah bin Qa‘nab Madanī. Beliau tinggal di Baṣrah. *Kunyah*-nya ialah Abū ‘Abd al-Raḥmān. ‘Abdullāh mendengar Hadith daripada Mālik dan Shu‘bah. Beliau juga meriwayatkan daripada bapanya, dan daripada Aflaḥ bin Ḥumaid. ‘Abd al-Ṣamad berkata bahawa beliau berasal daripada Bani Tamīm. Nama lain beliau ialah Ibn Qa‘nab. Mālik berkata bahawa beliau sebaik-baik penduduk bumi. Beliau meninggal pada tahun 220 H. Lihat (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 680 5/212) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf Kāf*, 12/275 dan *Ḥarf ‘Ain*, 6/28)
3. Mālik bin Anas bin Abū ‘Āmir bin ‘Amrū bin al-Ḥārith bin ‘Uthmān bin Jathīl, *kunyah*-nya Abū ‘Abdullāh al-Aṣbahī al-Madanī. Beliau mendengar Hadith daripada Nāfi‘ dan Zuhri. Beliau juga meriwayatkan Hadith daripada ‘Āmir bin ‘Abdullāh bin al-Zubair bin al-‘Awwām dan Sālim Abū al-Naḍr. Antara muridnya ialah al-Thawrī dan Shu‘bah. Ibn ‘Uyaynah berkata bahawa Mālik ialah Imam dalam bidang Hadith. Al-Nasā’ī berkata tiada ulama sesudah Tabi’in yang lebih cerdas daripada Mālik, tiada yang lebih mulia, *thiqah* dan lebih dipercayai Hadithnya daripadanya, beliau yang paling sedikit memiliki riwayat daripada *ḍu‘afā’* (para perawi yang lemah), tidak pernah kami dapati beliau meriwayatkan daripada perawi *matrūk* keculai ‘Abd al-Karīm. Mālik meninggal dunia pada bulan Safar 279H dan dimakamkan di pekuburan Baqī‘. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1323 7/310) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Baqiyyah ḥarf al-mīm ‘alā al-tartīb*, No.3 5/10)
4. Abū al-Naḍr ialah *kunyah* daripada Sālim bin Abū Umayyah, maula ‘Umar bin ‘Ubaidillāh al-Taimīmī. Beliau ialah orang tuanya Bardān. Beliau meriwayatkan dari Anas bin Mālik, al-Sā’ib bin Yazīd, dan ‘Auf bin Mālik. Di antara murid beliau ialah Mālik dan ‘Amrū bin al-Ḥārith anaknya Ibrāhīm atau lebih dikenal dengan Bardān bin Abū al-Naḍr. Imam al-Bukhārī berkata bahawa beliau perawi *thiqah*, namun adapula Hadith beliau yang *mursal*. Beliau meninggal dunia tahun 129H pada masa khalifah Marwan. Ibn Ḥajar meriwayatkan bahawa beliau seorang perawi *thiqah*, memiliki keutamaan, akal, dan ahli ibadah. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 104 1/50), (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf Sīm*, No 798 3/372) dan (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 798 2/687)
5. Zur‘ah bin ‘Abd al-Raḥmān bin Jarhad dari Bani Aslam di Madinah. Beliau meriwayatkan daripada Jarhad. Di antara perawi Hadith beliau ialah Abū al-Zinād dan Sālim Abū al-Naḍr. Ibn Ḥajar berkata Imam al-Nasā’ī men-*thiqah*-kan beliau. Lihat (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1468 3/440), (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Faṣl fi al-ansāb min al-alqāb*, *Ḥarf Zayy*, 12/324), dan (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No. 2020 1/312)
6. Bapa Zur‘ah ialah ‘Abd al-Raḥmān bin Jarhad al-Aslamī. Ibn Ḥajar berkata dalam *Taqrīb* beliau tidak diketahui keadaannya (*majhūl ḥāl*). Beliau termasuk golongan ketiga. Lihat (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 3829 2/338)
7. Jarhad ialah Jarhad bin Razzāḥ al-Aslamī. Seorang sahabat Nabi S.A.W. beliau termasuk ahli Ṣuffah. Dikatakan beliau meninggal dunia pada tahun 61 H. (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 911 1/158)

## Biografi Perawi Hadith yang Ke-4015

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. ‘Alī bin Sahal bin Qādim disebut juga dengan Ibn Mūsa al-Ḥarashī. *Kunyah*-nya Abū al-Ḥasan al-Ramlī berasal dari Nasā’. Beliau meriwayatkan Hadith daripada al-Walīd bin Muslim, Ḥajjāj bin Muḥammad dan Zaid bin Abū Zuraqā’. Adapun para perawi Hadith beliau antara lain ialah Abū Dāwūd, al-Nasā’ī dalam *al-Yaum wa al-Lailah*, Abū ‘Iwānah, dan banyak perawi yang lain. Abū Ḥātim berkata bahawa beliau ialah perawi *ṣadūq*. Al-Nasā’ī berkata beliau *thiqah*, seorang berasal daripada Nasā’ dan tinggal di Ramlah, sebuah desa di Palestina. Al-Ḥākim berkata beliau penyebar Hadith bagi penduduk Ramlah dan seorang hafiz di sana. Abū al-Qāsim berkata beliau meninggal tahun 261 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf ‘Ain*, No 553 7/289)
3. Ḥajjāj bin Muḥammad al-A‘war al-Muṣaiṣī berasal daripada Turmuz. Beliau tinggal di Baghdad kemudian bertolak ke Muṣaiṣāh. *Kunyah*-nya Abū Muḥammad. Beliau mendengar Hadith daripada Ibn Juraij, Shu‘bah, dan al-Laith. Antara para perawi Hadith beliau ialah Aḥmad, Yaḥyā bin Ma‘in, Yaḥyā bin Yaḥyā, dan lain-lain. Aḥmad berkata bahawa Ḥajjāj meninggal dunia pada tahun 206 H di Baghdad. Aḥmad berkata bahawa beliau seorang yang sangat teliti (*dābiṭ*), paling detail menulis huruf dan sangat fokus dalam amalannya. ‘Alī al-Madīnī dan al-Nasā’ī berkata beliau *thiqah*. Ibn Ḥajar berkata bahawa beliau pernah meriwayatkan Hadith dalam keadaan terbolak-balik (*ikhṭilāṭ*), bahkan ada yang memasukan beliau ke dalam kitab “*al-Du‘afā*”. Namun al-‘Ajli dan Muslim men-*thiqah*-kan beliau. Ibn Sa‘ad berkata beliau pindah ke Muṣaiṣāh kemudian ke Baghdad kerana ada keperluan. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 206 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 2840 2/380) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Man ismuhu Ḥābis*, No 381 2/180)
4. Ibn Juraij bernama lengkap ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Juraij al-Umawī, kerabat orang Makkah, Ibn Ḥajar berkata beliau perawi *thiqah*, faqih, memiliki keutamaan, namun beliau pernah meriwayatkan Hadith secara *tadlīs* dan *mursal*. Beliau meninggal pada 150 H. (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 4193 2/363)
5. Ḥabīb bin Abū Thābit iaitu Ḥabīb bin Qais bin Dīnār atau Qais bin Hindun. *Kunyah*-nya Abū Yaḥyā, seorang tokoh Bani Asad al-Kūfī. Beliau mendengar Hadith daripada Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Umar serta Anas bin Mālik. Di antara murid beliau ialah al-A‘mash, al-Thawrī, ‘Aṭā’ bin Abū Rabbāh, dan Ibn Juraij. Beliau meriwayatkan Hadith secara *mursal* dalam Hadith Ummu Salamah dan Ḥakīm bin Ḥazām. Beliau meriwayatkan Hadith daripada ‘Urwah bin al-Zubair tentang wanita yang tengah dalam masa istihādah. Namun al-Thawrī yakin beliau tidak mendengar langsung Hadith tersebut dari ‘Urwah dan banyak ulama yang mendokong pendapat al-Thawrī seperti Abū Ḥātim. Ahmad bin Sulaymān meriwayatkan bahawa beliau meninggal pada tahun 119 H. Ibn Ḥajar berkata bahawa Ibn Ḥibbān men-*thiqah*-kan beliau namun menyatakan bahawa beliau perawi yang melakukan *tadlīs*. Al-Qaṭṭān berkata bahawa beliau memiliki selain Hadith daripada ‘Aṭā’ yang tidak boleh ditemukan jalan daripadanya dan tidak terjaga sanadnya. Al-Azdī berkata bahawa Ḥabīb seorang perawi *thiqah*, *ṣadūq*. Al-Ājri berkata daripada Abū Dāwūd bahawa tidak ada Hadith sahih yang diriwayatkan Ḥabīb daripada ‘Āṣim bin Ḍamrah. Banyak ulama yang mengatakan beliau *thiqah*, *hujjah* sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Ma‘in. Beliau seorang yang faqih dan Mufti Kūfah sebelum al-Ḥakam dan Ḥammād. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 2592 2/313) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Man Ismuhu Ḥābis*, No 32 3/156)
- ‘Āṣim bin Ḍamrah al-Salūlī al-Kūfī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada ‘Alī. Antara murid beliau ialah al-Ḥakam bin ‘Utaibah, Abū Ishāq al-Sabī‘ī, Kathīr bin Zādhān dan Ḥabīb bin Abū Thābit dan lainniya. ‘Alī bin al-Madīnī dan al-‘Ajli men-*thiqah*-kan beliau. Al-Nasā’ī berkata beliau perawi yang tiada cacat (*laisa bihi ba’s*). Ibn Ḥajar berkata bahawa al-Bazzār berkata tentang ‘Āṣim ialah seorang yang selamat Hadithnya hanya saja Ḥabīb bin Abū Thābit meriwayatkan daripadanya Hadith-hadith *munkar*. Khalīfah bin Khayyāṭ berkata bahawa ‘Āṣim meninggal dunia di bawah kepemimpinan Bashar bin Marwān pada thun 174 H. Lihat (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 3052 6/482) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf ‘Ain*, No 77 5/40)
- ‘Alī bin Abū Ṭālib bin ‘Abd Manāf bin ‘Abd al-Muṭallib bin Hāshim bin ‘Abd Manāf bin Abū al-Ḥasan al-Hāshimī Amīr al-Mu‘minīn. Rasulullah memberi beliau *kunyah* Abū Turāb dan hal ini masyhur. Ibu beliau ialah Fāṭimah bintu Asad bin Hāshim. Fāṭimah masuk Islam dan meninggal dunia selagi Rasulullah S.A.W. masih hidup. Rasulullah menyolati beliau dan

menguburkannya. ‘Alī meriwayatkan Hadith daripada Nabi S.A.W. Adapun yang meriwayatkan Hadith daripada ‘Alī antaranya ialah anak-anak beliau iaitu al-Ḥasan dan al-Ḥusain, Muḥammad al-Akbar, ‘Umar, Fāṭimah, dan cucu-cucu beliau iaitu Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Alī dan ‘Alī bin al-Ḥusain bin ‘Alī secara *mursal* dan anak saudaranya ‘Abdullāh bin Ja‘far bin Abi Ṭālib dan lain-lain. Selain itu, ‘Āsim bin Ḍamrah al-Salūlī, ‘Āmir bin Shurāḥīl dan ‘Abdullah bin Salamah al-Murādī serta masih banyak lagi perawi yang meriwayatkan Hadith daripada beliau. Antara keutamaan beliau ialah beliau termasuk orang yang terdahulu masuk Islam. Ada yang berpendapat beliau masuk Islam pada usia 5 tahun, ada pula yang berpendapat pada umur 18 tahun, ada pula yang berpendapat pada umur 13 tahun. Beliau juga termasuk orang-orang yang solat dengan menghadap dua kiblat, berhijrah, melewati perang Badar dan peperangan yang lainnya. Beliau ialah seorang yang baik dalam urusan keluarga, faham Sunnah, pandai dalam strategi perang, unggul dalam memberikan pertolongan. Beliau berperang di Nahrawan dan menang. Namun di antara pasukan yang kalah berhasil mengikuti beliau iaitu. ‘Abd al-Raḥmān bin Muljam. Dia membunuh ‘Alī pada malam Jum‘at beberapa hari sebelum Ramadan berakhir pada tahun ke-44 Hijrah. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Man ismuhu ‘Alī*, No 565 77/334)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4016

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Ma‘mar bin al-Ḥasan al-Hudhalī al-Qaṭī‘ī al-Harawī. *Kunyah*-nya Abū Ma‘mar. Beliau hijrah ke Baghdad. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Ibrāhīm bin Sa‘ad, Ibn ‘Aliyyah, Ibn ‘Uyaynah. Manakala murid beliau di antaranya ialah al-Bukhārī, Muslim dan Abū Dāwūd. Manakala al-Nasā‘ī meriwayatkan dari beliau dengan perantara Abū Bakar al-Marwīzī dan Zakariyya al-Sajzī. Ibn Sa‘ad berkata bahawa Isma‘il ialah *ṣāḥib sunnah* (dekat dengan sunnah) dan memiliki kemuliaan. Beliau seorang yang *thiqah* dan *thabit*. Memang ada yang mengatakan bahawa beliau perawi yang pernah salah riwayatnya, namun menurut Ibn Ḥajar al-Ḥusain bin Fahm pernah berkata bahawa al-Dāruquthnī pernah men-*ḍa‘if*-kan beliau padahal al-Dhahabī berkata ini ialah cerita *munkar*. Ibn Qānī‘ berkata beliau *thiqah thabit*. Ibn Ḥibbān menyebut beliau ke dalam kitab “*al-Thiqāt*”. Ibn Ḥajar berkata beliau *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 236 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Man ismuhu Aḥmad*, No 511 1/239) dan (*Taqrīb al-Tahdhīb, Dhikru man ismuhu Asad ila ākhir man ismuhu Ismā‘īl*, No 415 1/105)
3. Yaḥyā bin Sa‘īd al-Umawī ialah Yaḥyā bin Sa‘īd bin Abān bin Sa‘īd al-‘Āṣ al-Qarshī al-Umawī al-Kūfī al-Hāfiẓ, saudara daripada ‘Abdullāh, ‘Anbasah dan ‘Ubaid yang merupakan para perawi Hadith. *Kunyah* beliau Abū Ayūb, manakala gelar nya adalah ‘jamal’. Beliau hijrah ke Baghdad dan mendengar Hadith daripada Yazīd bin Sinān. Selain itu juga meriwayatkan Hadith daripada bapanya, juga Yaḥyā bin Sa‘īd, dan ‘Uthmān bin Ḥakīm. Di antara murid beliau ialah anak beliau yang bernama Sa‘īd, Aḥmad bin Ishāq, Abū Ma‘mar al-Qaṭī‘ī atau Ismā‘īl bin Ibrāhīm, dan al-Ḥakam bin Hishām al-Thaqafī. Abū Dāwūd berkata daripada Ahmad, beliau perawi yang tidak ada cacat (*laisa bihi ba’s*) dan *thiqah*. Yaḥyā kurang diketahui keadaannya sebagai perawi, kerana tidak banyak periwayatannya di bidang Hadith, namun beliau mempunyai seorang saudara mara yang cakap dan berilmu yang bernama ‘Abdullāh. Banyak ulama yang men-*thiqah*-kan Yaḥyā. Ibn Ḥajar berkata beliau *ṣadūq*. Sa‘īd bin Yaḥyā bin Sa‘īd al-Umawī berkata, “Bapa saya meninggal pada tahun 194H pada pertengahan bulan Shawal, dalam usia 80 tahun.” Ibn Ḥajar berkata, “Uqailī merujuk beliau ke dalam kitab *al-Du‘afā’* dan beliau me-*munkar*-kannya sebagai perawi dengan riwayat dari al-A‘mash daripada Abū Wā’il. Manakala Ibn Sa‘ad berkata beliau *thiqah* dan sedikit meriwayatkan Hadith.” (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 2984 8/277), (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Ya*, No 356 11/188), dan (*Taqrīb al-Tahdhīb, Ḥarf Ya*, 2/590)
4. ‘Uthmān bin Ḥakīm bin ‘Abbād bin Ḥanīf Abū Sahal al-Anṣārī al-Ausī al-Madīnī al-Kūfī. Beliau mendengar Hadith daripada ‘Abd al-Raḥmān bin Abū ‘Umrah, ‘Abd al-Raḥmān bin Shaibah, ‘Ikrimah dan meriwayatkan daripada Abū Umāmah bin Sahal bin Ḥanīf. Antara para perawi Hadith beliau ialah al-Thawrī, Marwān bin Mu‘āwiyah dan penduduk Kūfah termasuk Yaḥyā bin Sa‘īd al-Umawī. Al-Bukhārī berkata beliau meriwayatkan sebanyak dua puluh Hadith daripada ‘Alī. Abū Ṭālib meriwayatkan daripada Aḥmad bahawa beliau seorang



- perawi yang *thiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 138H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, *Bāb ha'*, No 2209 6/216) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf 'Ain*, No 239 7/103)
5. Abū Umāmah ialah As'ad bin Sahal bin Ḥanīf bin Wāhib al-Anṣārī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada bapanya dan 'Umar. Abū Umāmah lahir pada masa Nabi Muḥammad S.A.W. masih hidup. Antara perawi yang meriwayatkan Hadith daripada beliau ialah al-Zuhri, juga anaknya iaitu Muḥammad bin Sahal, dan 'Uthmān bin Ḥakīm. Ibn Sa'ad berkata beliau perawi *thiqah* dan banyak meriwayatkan Hadith. Ibn Shihāb berkata bahawa beliau termasuk tokoh kaum Ansar dan ulama merek. Para ulama berselisih pendapat mengenai kelahirannya dan apakah beliau sempat melihat Nabi S.A.W.. Imam al-Bukhārī berkata bahawa beliau berjumpa dengan Nabi S.A.W. hanya beliau tidak mendengar Hadith daripada Nabi S.A.W.. Inilah pendapat yang dipilih oleh Ibn Mandah. Beliau meninggal dunia pada tahun 100 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1693 2/63) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Dhikru man ismuhu Aḥmad*, No 497 1/231)
  6. Al-Miswar bin Makhramah bin Naufal bin Ahīb bin 'Abd Manaf bin Zuhrah bin Kilāb al-Zuhri, kunyahnya Abū 'Abd al-Raḥmān. Ibunya ialah Ishfa' saudara perempuan 'Abd al-Raḥmān bin 'Auf. Beliau meriwayatkan daripada Nabi Muhammad S.A.W. daripada bapanya dan Khalid bin 'Abd al-Raḥmān bin 'Auf, dan banyak para sahabat yang lain. Di antara muridnya ialah anak perempuannya iaitu Ummu Bakar, Marwān bin al-Ḥakam, 'Auf bin al-Ṭufail iaitu saudara sepersusuan 'Aishah, dan Abū Umāmah bin Sahal bin Ḥanīf. 'Amru bin 'Alī berkata beliau lahir di Makkah dua tahun sesudah Hijrah lalu pindah ke Madinah. Beliau meninggal pada tahun 64 H kerana terkena senjata Manjaniq yang diarahkan ke Ka'bah. Pada saat itu beliau sedang salat di depan hajar Aswad. Inilah cerita yang paling sahih. Ibn Ḥajar berkata, "Al-Zubairi berkatat bahawa beliau sentiasa bersama 'Umar bin Khaṭṭāb dan termasuk golongan yang utama dan baik agamanya." (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf Mīm*, No 290 10/137)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4017

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. 'Abdullāh bin Maslamah telah dijelaskan pada perawi Hadith yang ke-4014.
3. Maslamah bin Qa'nab al-Ḥārithī al-Baṣarī. Beliau meriwayatkan daripada Nāfi', Hishām bin Ḥassān, Bahaz bin Ḥakīm. Perawi Hadith beliau ialah dua orang anaknya iaitu Ismā'il dan 'Abdullāh, dan Yusūf bin Khālīd al-Samatī. Al-Ājri berkata daripada Abū Dāwūd bahawa Maslamah memiliki amalan dan kecakapan dalam bidang Hadith, dan senang menolong kecuai pada saat mengendarai keledainya. Ibn Ḥibbān men-*thiqah*-kan beliau dan berkata, "Beliau istiqamah dengan Hadithnya (*mustaqīm al-Hadith*)." (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Baqiyyah Ḥarf Mīm*, No 282 10/134)
4. Ibn Bashshār, Muḥammad bin Bashshār bin 'Uthmān bin Dāwūd bin Kīsān al-'Abdī. *Kunyah*-nya Abū Bakar al-Ḥāfiẓ al-Baṣarī, gelarnya ialah Bandār kerana beliau dianggap sebagai bandar dalam bidang Hadith dan mengumpulkan Hadith yang ada di negerinya. Beliau meriwayatkan Hadith daripada 'Abd al-Wahhāb al-Thaqafī, Ghundar dan Yaḥyā al-Qaṭṭān dan banyak perawi lain. Antara yang meriwayatkan Hadith daripada beliau ialah sekumpulan perawi, al-Nasā'ī, Abū Zur'ah. Ibn Khuzaimah berkata, "Aku mendengar Bandar berkata, aku berselisih (umur) dengan Yaḥyā bin Sa'id al-Qaṭṭān lebih dari dua puluh tahun. Bandar berkata, 'Sekiranya Yaḥyā hidup lebih lama lagi, dari masa itu, pastilah aku mendengar Hadith lebih banyak darinya.'" 'Abdullah bin al-Duraqī berkata, "Kami pernah bersama Ibn Ma'in hingga kami berbicara tentang Bandar, maka aku melihat Yaḥyā tidak mengatakan beliau cacat dan beliau men-*ḍaif*-kan Bandar." Ia berkata, "Aku melihat al-Qawāriri tidak meridhainya dan beliau berkata Bandar dahulu pemilik Hammām." Al-Azdi berkata, "Banyak orang telah menulis Hadith daripada Bandar dan mereka menerimanya, jadi perkataan Yaḥyā dan al-Qawāriri tidaklah memburukkannya. Dan tidaklah aku melihat seorang pun menyebutnya melainkan yang baik-baik dan sifat jujur." Bandar lahir pada tahun 67 H dan meninggal dunia pada tahun 252 H." Ibn Ḥajar berkata, "Al-Dhahabi berkata, 'Ia tidak pernah melakukan *riḥlah*, maka ia melewati masa tua dan dekat dengan ulama Basrah. Aku berharap beliau tidak memiliki cacat (*lā ba'sa bih*).' Imam al-Bukhārī meriwayatkan

daripadanya 105 Hadith dalam kitab “*al-Zahrah*”, dan Muslim meriwayatkan 460 Hadith daripadanya.” (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Mīm*, No 87 9/61)

5. Yaḥyā ialah Yaḥyā bin Sa‘īd bin Farrūkh al-Qaṭṭān al-Tamīmī al-Baṣarī, al-Aḥwal al-Ḥāfidl. Kunyahnya Abū Sa‘īd. Beliau mendengar Hadith daripada Abū Ja‘far al-Khaṭmī, Hishām bin ‘Urwah, ‘Ubaidillāh bin ‘Umar, dan Bahaz bin Ḥakīm. Di antara murid beliau ialah anaknya Muḥammad, cucunya Aḥmad, Bandār (Ibn Bashshār) dan ‘Alī bin al-Madīnī. Beliau berbeza umur dengan Shu‘bah 20 tahun. Khālīd bin al-Ḥarīth berkata, “Kami lebih menyukai Sufyan daripada Yaḥyā. Yaḥyā pernah berkata, ‘Apabila aku melakukan kesalahan, maka aku akan merujuk kepada Sufyan.’” Ibn Manjawaih menjawab kritikan ulama terhadap Yaḥyā dan berkata, “Yaḥyā tokoh terkemuka di zamannya dalam bidang hafazan, *wara‘*, kefahaman, keutamaan, agama. Beliaulah yang membimbing penduduk ‘Iraq, menulis Hadith, memfokuskan penyelidikan perawi *thiqat* dan meninggalkan perawi ḍa‘if. Ibn Ḥajar berkata, “Ibn Ḥibbān berkata, daripadanyalah (Yaḥyā) Aḥmad dan ‘Alī dan seluruh Imam kita meriwayatkan. Jika ada yang menyebutkan cacatnya beliau katakanlah ‘semoga Allah mengampunimu.’ Dia (Yaḥyā) berkata, ‘Yang paling cinta kepadaku ialah yang paling dicintai oleh Allah.’” Al-Khalīlī berkata, “Beliau seorang imam yang tak perlu pembela, beliaulah sahabat Mālik yang paling mulia di Basrah, dan al-Thawrī kagum dengan hafazannya, dan para Imam semuanya menjadikan beliau *hujjah*, dan mereka berkata, ‘Barangsiapa meninggalkan Yaḥyā bin Sa‘īd, maka kami juga akan meninggalkannya (tidak mempedulikan kata-kata orang tersebut, *pen.*)’” Abdullāh bin Abū al-Aswad berkata Yaḥyā bin Sa‘īd meninggal tahun 298 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 2983 8/276) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Yā‘*, No 359 11/190)
6. Bahaz bin Ḥakīm bin Mu‘āwiyah bin Ḥaidah al-Qushairī al-Baṣarī. Kunyahnya Abū ‘Abd al-Mālik. Beliau mendengar Hadith daripada bapanya, Hishām bin ‘Urwah. Antara muridnya ialah al-Thawrī dan yang semasa dengannya seperti Ma‘mar bin Rāshid dan Mu‘ādz bin Mu‘ādz. Para ulama berselisih tentang *thiqah*-nya beliau. Ishāq bin Maṣūūr berkata daripada Yaḥyā bin Ma‘īn bahawa Bahaz *thiqah*. Abū Zur‘ah berkata bahawa beliau seorang salih tapi tidak masyhur. Ibn Ḥajar berkata, “Al-Ajri berkata daripada Abū Dāwūd, ‘Padaku dia menjadi *hujjah*, pada Syāfi‘ī dia tidak menjadi *hujjah*, dan dia tidak meriwayatkan daripada Shu‘bah, dan Shu‘bah untuknya berkata ‘siapa kamu dan siapa bapamu?’” Ibn Ḥibbān berkata, “Beliau pernah banyak melakukan kesalahan dalam periwayatan. Adapun Aḥmad dan Ishāq berhujjah dengannya, namun sekumpulan orang dari kalangan imam kita meninggalkan periwayatannya. Kalau sahaja bukan kerana Hadithnya ‘*Ana ākhidzuhā wa shatarā mālahu*’ akan aku masukkan dia ke dalam kitab *al-Thiqāt*, dan dia termasuk orang yang aku istikharahi.” Al-Tirmīdhī berkata, “Sungguh Shu‘bah berkata tentang Bahaz bahawa beliau seorang yang *thiqah* mengikut ulama Hadith.” Shu‘bah pernah meriwayatkan Hadith daripada Bahaz, namun pernah juga Shu‘bah mendiamkannya (*tawaqquf*). Abū Ja‘far al-Sabṭī berkata, “Riwayat Bahaz bin Ḥakīm daripada bapanya daripada kakeknya ialah *ṣaḥīḥ*. Ibn Qutaibah berkata, “Beliau termasuk manusia yang terpilih.” Aḥmad bin Bashīr berkata, “Aku telah sampai di Basrah untuk mencari Hadith, maka aku menjumpai Bahaz. Aku mendapatkannya tengah bermain *shatranj* (sejenis perjudian yang berasal daripada negeri ‘ajam) bersama suatu kaum, maka aku meninggalkannya dan tidak mendengar Hadith daripadanya.” (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1982 2/143) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Bā‘*, No 924 1/437)
7. Bapa Bahaz ialah Ḥakīm bin Mu‘āwiyah bin Ḥaidah al-Qushairī al-Baṣarī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada bapanya. Antara yang meriwayatkan Hadith daripadanya ialah anaknya iaitu Bahaz, Sa‘īd, Mahrān, Sa‘īd bin Abū Iyās al-Jarīrī. Al-‘Ajli berkata beliau *thiqah*. Al-Nasā‘ī berkata beliau tidak ada cacat (*laisa bihi ba’s*), dan Ibn Ḥibbān menyebutnya dalam kitab *al-Thiqāt*. Ibn Ḥajar berkata, “Sesungguhnya beliau salah seorang *tābi‘īn*. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 45 3/12) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Ḥa‘*, No 783 2/387)
8. Datuk Bahaz ialah Mu‘āwiyah bin Ḥaidah bin Mu‘āwiyah bin Qushair bin Ka‘ab bin Rabī‘ah bin ‘Āmir bin Ṣa‘ṣa‘ah al-Qushairī. Beliau hijrah ke Basrah. Antara Hadith *ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam “*al-Adab al-Mufrad*” daripada Mu‘āwiyah ialah bahawa Nabi S.A.W. jika diberi sesuatu, maka beliau akan bertanya terlebih dahulu apakah itu hadiah atau sadaqah. Jika dikatakan hadiah, maka beliau makan. Namun jika dikatakan sadaqah, maka beliau tidak makan. Beliau mendengar Hadith daripada Nabi S.A.W.. Para perawi Hadith daripada beliau ialah anaknya Ḥakīm bin Mu‘āwiyah, ‘Urwah bin Ruwaim al-Lakhmī, dan Ḥumaid al-Yaznī. Ibn Sa‘ad berkata, “Beliau diutus kepada Nabi S.A.W..” Ibn Ḥajar berkata, “Pada al-Bukhārī ada pendapat beliau mengenai Ṭahārah.” Mengikut Ibn Ḥajar

sanad daripada Bahaz daripada Ḥakīm daripada Mu‘āwiyah ialah sanad yang bersambung. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1408 7/329) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Baqiyah Ḥarf Mīm*, No 384 10/185)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4018

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. ‘Abd al-Raḥmān bin Ibrāhīm bin ‘Amrū bin Maimūn al-Qarshī al-Umawī beliau seorang qadi, dan lebih dikenal dengan Daḥīm. Beliau meriwayatkan Hadith daripada al-Walīd bin Muslim, Sufyān bin ‘Uyaynah dan Ibn Abi Fudaik. Di antara murid beliau ialah Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasā’ī dan Ibn Majah. ‘Abdān al-Ahwazī berkata, “Aku mendengar al-Hasan bin ‘Alī bin Bahr sedang berkata, ‘Dahim memasuki Baghdad, maka aku melihat bapaku, Aḥmad bin Ḥanbal, Yaḥyā bin Ma‘īn, Khalaf bin Sālim duduk bersamanya.” Ibn Yunus berkata, “Beliau memasuki Mesir, dan beliau seorang yang *thiqah thabit*.” ‘Umar, anaknya berkata, “Beliau lahir pada bulan Shawal tahun 170 H dan meninggal bulan Ramadan tahun 245 H di Ramlah. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf ‘Ain*, Juz 6 No 176 6/119)
3. Ibn Abi Fudaik ialah Muḥammad bin Ismā‘īl bin Muslim bin Abū Fudaik. Nama Abū Fudaik ialah Dīnār al-Dailī, ada pula yang mengatakan namanya Muslim. *Kunyah*-nya Abū Ismā‘īl. Beliau meriwayatkan Hadith daripada bapanya iaitu Ismā‘īl, Muḥammad bin ‘Amrū bin ‘Alqamah, dan al-Ḍaḥḥāk bin ‘Uthmān. Antara muridnya ialah al-Syāfi‘ī, Aḥmad, al-Ḥumaidī, Qutaibah, dan perawi Hadith lainnya. Al-Nasā’ī berkata bahawa beliau tidak ada cacat (*laisa bihi ba’s*). Ibn Ḥibbān menyebut beliau dalam *al-Thiqat*. Ibn Ḥajar berkata, “Ibn Ma‘īn berkata bahawa beliau *thiqah*, dan Ibn Sa‘ad berkata bahawa beliau banyak meriwayatkan Hadith dan tidak dapat dijadikan *hujjah*.” Ibn Ḥajar menyebut beliau perawi yang *sadūq* dalam *Taqrīb*. Al-Bukhārī berkata bahawa beliau meninggal pada tahun 200H. Manakal Ibn Sa‘ad berkata beliau meninggal pada tahun 199H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 62 9/53), (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 5736 2/468) dan (*al-Jarah wa al-Ta’dīl*, No 1071 7/188)
4. Al-Ḍaḥḥāk bin ‘Uthmān bin ‘Abdullāh bin Khālīd bin Ḥazzām al-Asadī al-Ḥazzāmī. *Kunyah*-nya Abū ‘Uthmān al-Madānī al-Qarshī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Nafī‘, hamba sahaya Ibn ‘Umar, Sālim bin Abū al-Naḍr, dan Zaid bin Aslam. Antara muridnya ialah anaknya ‘Uthmān, cucunya yang bernama Al-Ḍaḥḥāk bin ‘Uthmān, Yaḥyā al-Qaṭṭān, dan Ibn Abū Fudaik. Abū Dāwūd berkata bahawa beliau *thiqah*, namun anaknya, ‘Uthmān ialah perawi *da‘if*. Aḥmad berkata beliau *thiqah*. Ibn Ḥajar berkata, “Beliau perawi yang *thiqah* dan banyak meriwayatkan Hadith.” ‘Alī bin al-Madīnī berkata bahawa beliau *thiqah*. Ibn ‘Abd al-Barr berkata, “Beliau banyak melakukan kesalahan dan tidak dapat dijadikan *hujjah*. Beliau meninggal pada tahun 153 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 3030 4/334) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 787 4/392)
5. Zaid bin Aslam, beliau ialah hamba sahaya kepada ‘Umar bin Khaṭṭāb. *Kunyah*-nya Abū Usāmah. Beliau meriwayatkan Hadith daripada bapanya, Ibn ‘Umar, ‘Aishah, ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Sa‘īd al-Khudrī. Antara murid beliau ialah ketiga anaknya iaitu Usāmah, ‘Abdullāh, Mālik, dan perawi Hadith lainnya. Perawi Hadith yang lain seperti Aḥmad, Abū Zur‘ah, Abū Ḥātim, al-Nasā’ī berkata bahawa beliau *thiqah*. Beliau juga seorang yang *faqih*, alim dengan tafsir al-Qur’an. Beliau meninggal dunia pada tahun 136 H. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1287 3/387) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Ḥarf Zayy*, No 728 3/341)
6. ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Sa‘īd al-Khudrī ialah ‘Abd al-Raḥmān bin Sa‘ad bin Mālik bin Sinnān. Dikatakan *kunyah* beliau ialah Abū Hafṣ. Beliau mendengar Hadith daripada bapa beliau dan ‘Imārah bin Jāriyah. Di antara murid beliau ialah Zaid bin Aslam dan anaknya iaitu Sa‘īd. Ibn Ḥibbān memasukkan beliau ke dalam *al-Thiqat*. Beliau termasuk ke dalam golongan Tabi‘in. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 935 5/288)
7. Abū Sa‘īd al-Khudrī bernama Sa‘ad bin Mālik bin Sinnān bin ‘Ubaid bin Tha‘labah bin ‘Ubaid bin al-Abjar al-Khazraj al-Anṣārī. *Kunyah*-nya Abū Sa‘īd al-Khudrī. Beliau merupakan sahabat Nabi S.A.W.. Semua sahabat Nabi semuanya *thiqah*. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Nabi S.A.W., daripada bapanya dan saudara laki-lakinya yang seibu iaitu Qatādah bin al-Nu‘mān. Di antara murid beliau ialah anaknya iaitu ‘Abd al-Raḥmān, istrinya iaitu Zainab binti Ka‘ab, Ibn ‘Abbās, dan perawi Hadith lainnya. Ibn Ḥajar berkata, “Abū al-Ḥasan al-Madā’inī berkata bahawa beliau meninggal tahun 63 H. Manakala

al-‘Askarī berkata bahawa beliau meninggal tahun 65 H.” (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1910 4/44) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Harf Sīn*, No 894 3/416)

### Biografi Perawi Hadith yang Ke-4019

1. Abū Dāwūd. Telah dijelaskan biografi beliau pada Hadith ke-4009.
2. Ibrāhīm bin Mūsā bin Yazīd bin Zādzdān al-Taimīmī. *Kunyah*-nya Abū Ishāq al-Rāzī dikenal dengan sebutan al-Ṣagīr. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Hishām bin Yūsuf al-Ṣin‘āniy, al-Wālid bin Muslim, Yaḥyā bin Abū Zā‘idah dan para perawi lain. Antara perawi Hadith daripada beliau ialah al-Bukhārī, Muslim dan Abū Dāwūd. Abū Ḥātim berkata beliau termasuk perawi *thiqah*. Al-Nasā‘ī men-*thiqah*-kan beliau. Ibn Qāni‘ berkata bahawa beliau meninggal tahun 211-an. (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1028 1/327) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Dhikru man ismuhu Aḥmad*, No 308 1/148)
3. Ibn ‘Ulayyah bernama Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Muqsim al-Asadī, *kunyah*-nya Abū Bishr al-Baṣarī dan lebih dikenal dengan Ibn ‘Ulayyah. Beliau meriwayatkan daripada ‘Abd al-‘Azīz bin Ṣuhaib, Sulaymān al-Taimī, dan al-Juraiirī. Antara perawi Hadith daripada beliau ialah Shu‘bah, Ibn Juraij, dan masih banyak lagi. Banyak ulama yang memuji beliau. Shu‘bah berkata bahawa beliau merupakan seorang faqih yang terbaik (*raiḥānah al-fuqahā*). Yūnus bin Bakīr berkata bahawa beliau bapa kepada para muhaddith (*sayyid al-muḥaddithīn*). Ibn Ḥibbān menyebut beliau dalam *al-Thiqat*, dan bahawa beliau meninggal tahun 193 H atau 194 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Dhikru man ismuhu Aḥmad*, No 513 1/241)
4. Mu‘ammal bin Hishām al-Yashkarī. *Kunyah*-nya ialah Abū Hishām al-Baṣarī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Ismā‘īl bin ‘Ulayyah, iaitu saudara sepersuannya; dan daripada Abū Mu‘āwiyah al-Ḍarīr serta Yaḥyā bin ‘Ibād al-Ḍab‘ī. Antara perawi Hadith daripadanya ialah al-Bukhārī, Abū Dawud, dan al-Nasā‘ī. Abū Ḥātim berkata bahawa beliau *ṣadūq*. Manakala Abū Dāwūd dan al-Nasā‘ī berkata bahawa beliau *thiqah*. Ibn Ḥajar berkata daripada Muslim bin Qāsim bahawa beliau *thiqah*. Abū al-Qāsim bin ‘Asākir berkata bahawa beliau meninggal pada tahun 253 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, No 687 10/342)
5. Ismā‘īl, boleh jadi Ismā‘īl yang dimaksud oleh Mu‘ammal ialah Ismā‘īl bin ‘Ulayyah iaitu nama daripada Ibn ‘Ulayyah. Ibn Ḥajar menyebut syaikhnya Mu‘ammal ialah Ismā‘īl bin ‘Ulayyah. Kalau ini benar maka sanad Hadith ini bertemu pada perawi yang bernama Ibn ‘Ulayyah, bukan al-Juraiirī. Tapi, kalau hal ini ialah suatu kesalahan, maka tidak ditemukan Ismā‘īl yang lain yang terdaftar menjadi syaikh daripada Mu‘ammal selain Ismā‘īl bin ‘Ulayyah. (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 416 1/105)
6. Al-Juraiirī ialah Sa‘īd bin Iyās al-Juraiirī. *Kunyah*-nya Abū Mas‘ud al-Baṣarī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada Abū al-Ṭufail, Abū ‘Uthmān al-Hindī, dan Abū Naḍrah al-‘Abdī. Antara perawi Hadith daripadanya ialah al-Thawrī, Shu‘bah dan Ibn ‘Ulayyah. Abū Ṭālib berkata daripada Aḥmad bahawa al-Juraiirī ialah *muhaddith* kepada penduduk Baṣrah. Al-Dūrī berkata daripada Ibn Ma‘īn bahawa beliau ialah perawi *thiqah*. Abū Ḥātim berkata bahawa hafazan beliau berubah sebelum beliau wafat, maka sesiapa yang menulis daripadanya Hadith terdahulu maka Hadith tersebut selamat (*ṣāliḥ*) dan merupakan Hadith yang baik. Yaḥyā al-Qaṭṭān berkata daripada Kahmas, “Kami mengingkari al-Juraiirī pada hari penyakit (*tā‘ūn*).” Ibn Sa‘ad berkata, “Orang-orang berkata bahawa beliau meninggal tahun 144 H.” (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1520 3/456) dan (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Harf Sīn* No 8 4/6)
7. Abū Naḍrah ialah al-Mundzīr bin Mālik bin Quṭa‘ah. *Kunyah*-nya ialah Abū Naḍrah al-‘Abdī al-‘Awaqī al-Baṣarī. Beliau meriwayatkan Hadith daripada ‘Alī bin Abū Ṭālib, Abū Mūsā al-Ash‘arī, Abū Hurairah. Di antara perawi Hadith daripada beliau ialah Sulaymān al-Taymī, Abū Muslim bin Yazīd dan Sa‘īd bin Iyās al-Juraiirī. Ibn Sa‘ad berkata beliau perawi *thiqah*, banyak meriwayatkan Hadith, semua orang menjadikannya *hujjah*. Abū Zur‘ah dan al-Nasā‘ī men-*thiqah*-kan beliau. Ibn Ḥajar berkata, “Akhir kalam Ibn Sa‘ad, saat beliau meninggal dunia, al-Ḥasan yang mensalatkannya. Khalīfah berkata beliau meninggal pada tahun 108 H atau 109 H. Aḥmad bin Ḥanbal juga men-*thiqah*-kan beliau.” (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1535 7/355), (*Taqrīb al-Tahdhīb, Harf Nūn*, No 8414 2/678), (*Tahdhīb al-Tahdhīb, Baqiyyah ḥarf mīm ‘ala al-Tartib*, No 52810/268)

8. Seorang laki-laki daripada Ṭufāwah. Perawi Hadith dalam *Sunan Abū Dāwūd*. Beliau belum diketahui namanya dan keadaannya. Beliau meriwayatkan daripada Abū Hurairah R.A. Adapun perawi Hadith daripadanya ialah Abū Naḍrah al-‘Abdī. Adapun seorang perawi yang bernama Muhammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Ṭufāwī ialah perawi Hadith yang datang sesudah beliau. (*Taqrīb al-Tahdhīb*, No 1783 1/198)
9. Abū Hurairah al-Dūsī al-Yamānī. Ulama berbeza pendapat mengenai siapa nama Abū Hurairah. Ada yang mengatakan nama beliau dan nama bapaknya. Nama beliau sebelum Islam ialah ‘Abd Shams. Ada pula nama beliau sesudah Islam ialah ‘Abdullāh atau ‘Abd al-Raḥmān bin Ṣakhr al-Dūsī. *Kunyah*-nya Abū al-Aswad. Di antara perawi Hadith daripada beliau ialah Ibn ‘Abbās, Ibn ‘Umar, Sa ‘īd bin al-Musayyab. Beliau ialah sahabat yang paling banyak meriwayatkan Hadith daripada Rasulullah S.A.W. kerana beliau sentiasa mendampingi Rasulullah S.A.W. kemana sahaja beliau pergi. Wahab bin Jarīr meriwayatkan daripada Anas bin Mālik bin Abū ‘Amir, beliau berkata, “Aku pernah bersama Ṭalḥah bin ‘Ubaidillāh, kemudian datang seorang laki-laki, ia berkata, ‘Demi Allah wahai Abū Muḥammad, kami tidak tahu orang Yaman ini -Abū Hurairah- lebih mengenal Rasulullah daripada kalian.’ Dia berkata, ‘Demi Allah walaupun ada yang ragu, sungguh dia mendengar (Hadith) daripada Rasulullah S.A.W. dan mengetahui daripada beliau perkara yang yang kami tidak tahu. Sungguh kami merupakan kaum yang kaya raya. Kami memiliki banyak rumah dan banyak sanak saudara. Kami datang kepada Rasulullah S.A.W. dua masa di waktu siang, kemudian kami pulang. Adapun dia merupakan orang miskin yang tiada harta dan tiada sanak saudara, hanya sahaja tangannya bersama dengan tangan Rasulullah S.A.W. dan dia berkeliling kemana Rasulullah berkeliling. Kami belum mendapatkan seseorang yang di dalamnya terdapat kebaikan sepertinya. Dia berkata mengenai Rasulullah S.A.W. apa yang tidak dikatakan oleh orang selainnya.”” Demikianlah keutamaan Abū Hurairah R.A. yang merupakan Hafiz para sahabat dan seorang sahabat yang paling utama. Ibn ‘Uyaynah berkata bahawa Abū Hurairah dan ‘Aishah wafat pada tahun 57 H. (*Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Ḥarf Ha*’, No 8773 12/240) dan (*al-Tārikh al-Kabīr*, No 1938 6/132)